

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat memperkasakan kempen kesedaran dan pendidikan kepada ibu bapa mengenai hak dan pembelaan terhadap anak-anak yang menjadi mangsa jenayah seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan pelbagai program ilmu keibubapaan seperti Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART LPPKN, Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*), dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN. Modul-modul yang digunakan dalam program ini sentiasa disemak semula dan ditambah baik.

Selain daripada program-program tertumpu ini, Kementerian juga terus memperkasa program kesedaran awam bagi mencegah jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Terkini pada tahun ini, LPPKN menjalin kerjasama strategik dengan United Nation Population Fund (UNFPA) bagi tujuan menyebarkan luas kepentingan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) kepada masyarakat pelbagai lapisan umur dengan mengadakan kempen digital berkonsepkan Pendidikan Massa (*mass education*) berkaitan pendidikan seksualiti. Antara topik-topik semasa yang dibawa adalah Pembuangan Bayi, Pengguguran Tidak Selamat, Pornografi, Penderaan Seks, Mari Bicara Pendidikan Seksualiti, pendapat dan berkongsi pengalaman oleh ibu bapa dan *Social Influencers* berkaitan isu seksualiti.

Inisiatif terbaru Kerajaan sejak tahun 2018 untuk melindungi dan membela hak kanak-kanak mangsa jenayah seksual pula adalah seperti berikut:

- (i) Penambahbaikan modul program-program advokasi dan pencegahan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan LPPKN seperti:
 - a. SAHABAT B.I.J.A.K;
 - b. Program PEKERTI@Sekolah dan PEKERTI@PLKN; dan
 - c. Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga);

- (ii) Program kesedaran yang lebih proaktif seperti:
 - a. kempen kesedaran mengenai pembuangan bayi dengan kerjasama syarikat swasta;
 - b. infografik pemilihan TASKA dimasukkan dalam Buku Kesihatan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak KKM; dan
 - c. video “sentuhan selamat dan tidak selamat” (“*safe touch bad touch*”) tertumpu kepada kanak-kanak melalui *Youtube* dengan kerjasama Google;
- (iii) Pengenalan sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak; dan
- (iv) Semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara dengan kerjasama UNICEF.

Selain itu, Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur juga dilihat sebagai salah satu cara menambah baik polisi berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak daripada pesalah seksual.

Kementerian ini juga menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak sama ada badan antarabangsa ataupun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan kempen dan advokasi tentang kesedaran dan pendidikan berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak disebarkan dalam masyarakat.

Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan Kerajaan dapat membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak daripada terus berlaku dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pusat perlindungan untuk mangsa keganasan rumah tangga yang diuruskan oleh Kerajaan di seluruh negara dan yang dikendalikan oleh NGO-NGO serta sama ada kapasiti sedia ada mampu memenuhi keperluan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Dua tafsiran berkaitan tempat perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga yang dinyatakan bawah Seksyen 2 Akta 521 ialah tempat berlindung dan tempat selamat. Tempat berlindung ialah mana-mana rumah, institusi atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemiliknya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu. Tempat selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud Akta ini.

Pada masa ini, terdapat 38 buah tempat selamat yang telah diluluskan oleh Menteri bawah Akta 521 di seluruh negara yang dikendalikan oleh Kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Senarai tempat selamat mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan Tempat Selamat
1.	Selangor	5
2.	Sarawak	5
3.	Johor	4
4.	Sabah	4
5.	Terengganu	3
6.	Pahang	3
7.	Perak	3

Bil.	Negeri	Bilangan Tempat Selamat
8.	Kedah	3
9.	Negeri Sembilan	2
10.	W.P. Labuan	2
11.	W.P. Kuala Lumpur	1
12.	Kelantan	1
13.	Melaka	1
14.	Perlis	1
Jumlah		38

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pada tahun 2019, seramai 34 (5.05%) mangsa keganasan rumah tangga daripada 673 kes telah diberi perlindungan di tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta 521.

Selain mendapatkan perlindungan di tempat selamat, mangsa juga telah mendapatkan perlindungan sementara di tempat berlindung sama ada di rumah ibu bapa, saudara atau kawan. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan telah berusaha meningkatkan dua (2) tempat berlindung yang dikendalikan oleh kerajaan. Jumlah mangsa yang mendapatkan perlindungan di tempat berlindung ialah 61 orang (9.06%) daripada 673 kes.

Lain-lain perkhidmatan yang diberikan kepada mangsa ialah:

- i. Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order (IPO)* iaitu 227 kes daripada 673 kes (33.73%);
- ii. Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan / *Protection Order* iaitu 49 kes daripada 673 kes (7.28%);
- iii. Perkhidmatan kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat iaitu 71 kes daripada 673 kes (10.55%);
- iv. Dirujuk kepada Badan Pendamai iaitu 16 kes daripada 673 kes (2.38 %);

- v. Dirujuk kepada agensi lain iaitu 70 kes daripada 673 kes (10.40 %); dan
- vi. Lain-lain iaitu 145 kes daripada 673 kes (21.55%).

Berdasarkan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang mula berkuat kuasa pada Januari 2018, JKM boleh mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan / *Emergency Protection Order* (EPO) bagi kes keganasan rumah tangga berdasarkan tafsiran a dan b Akta 521 iaitu, (a) sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal atau (b) menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal. Sebanyak 32 EPO telah dikeluarkan kepada mangsa iaitu 10 EPO pada tahun 2018 dan 22 EPO pada tahun 2019. Analisis pengeluaran EPO bagi tahun 2018 dan 2019 yang telah dikeluarkan kepada mangsa berdasarkan tafsiran a, b atau kedua-dua a dan b adalah seperti berikut:

- i. Sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal iaitu 14 kes (43.75%);
- ii. Menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal iaitu 11 kes (34.38%); dan
- iii. Sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal, dan menyebabkan kecederaan atau mencederakan mangsa secara fizikal iaitu 7 kes (21.87%)

Justeru, selain dari perlindungan di tempat selamat atau tempat berlindung, mangsa juga diberi perlindungan undang-undang dari segi EPO atau IPO atau PO. Perkhidmatan yang diberikan kepada mangsa adalah merupakan pilihan yang dibuat oleh mangsa sendiri.

Berdasarkan analisis trend permohonan kemasukan ke tempat selamat bagi tempoh 3 tahun (2017-2019), didapati hanya 79 kes sahaja yang memohon untuk kemasukan ke tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta 521, oleh itu didapati kapasiti sedia ada mampu memenuhi keperluan semasa.